

MENJANA LITERASI POLITIK BELIA MELALUI MEDIA SOSIAL: SATU ANALISIS

Fostering Youth Political Literacy through Social Media: An Analysis

Nor Azlina binti Endut¹, Rohaini binti Amin², Zurina binti Abdullah³

^{1,2,3} Universiti Islam Selangor (UIS)

Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Malaysia

¹norazlina@uis.edu.my, ²rohaini@uis.edu.my, ³zurinaabdullah@uis.edu.my

ABSTRAK

Media sosial adalah sebuah medium perantara yang berperanan dalam menyampaikan informasi terkini kepada seluruh masyarakat tanpa mengira apa jua fahaman politik, taraf ekonomi, status sosial dan pelbagai lagi. Liputan berita serta kandungan isu yang dibincangkan menerusi media sosial sedikit sebanyak memberi implikasi kepada corak pemikiran masyarakat. Dalam era digitalisasi yang pesat berkembang kontemporari ini, media sosial telah menjadi platform utama bagi golongan muda untuk memperoleh maklumat, berinteraksi dan mengembangkan kesedaran politik. Kajian ini bertujuan untuk meneliti peranan media sosial dalam mempengaruhi pemahaman politik belia, partisipasi dalam diskusi politik dan pembentukan sikap serta persepsi terhadap isu-isu semasa. Data kajian dikumpulkan dengan menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen dan kajian menunjukkan bahawa media sosial memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan literasi politik dalam kalangan belia, memperluas akses kepada informasi politik dan mendorong keterlibatan mereka dalam proses politik. Walaupun terdapat risiko penyebaran maklumat palsu dan polarisasi pendapat, manfaat pendidikan politik melalui media sosial tetap penting dan telah memberikan impak yang besar terhadap kehidupan belia dan secara langsung telah mengubah pola kehidupan masyarakat, budaya, cara berfikir dan hampir segala aspek dalam kehidupan manusia. Kajian ini menyarankan agar inisiatif pendidikan politik di Malaysia lebih memanfaatkan media sosial untuk mendekati belia di samping mengembangkan strategi untuk mengatasi cabaran yang timbul.

Kata kunci: Belia; Literasi Politik; Pendidikan Politik; Media Sosial; Malaysia

ABSTRACT

Social media serves as an intermediary medium that plays a role in delivering up-to-date information to the entire society, regardless of political beliefs, economic status, social class, or other differences. News coverage and the issues discussed through social media have, to some extent, influenced the thinking patterns of the public. In today's rapidly developing digital era, social media has become the main platform for young people to obtain information, interact, and develop political awareness. This article aims to examine the role of social media in influencing youth political understanding, participation in political discourse, and the formation of attitudes and perceptions toward current issues. The study data were collected using a qualitative approach through document analysis, and findings show that social media plays a significant role in enhancing political literacy among youth, broadening access to political information, and encouraging their engagement in political processes. Despite the risks of misinformation and opinion polarization, the educational benefits of social media in politics remain important and have had a major impact on youth life, directly transforming societal patterns, culture, ways of thinking, and nearly every aspect of human life. This study recommends that

political education initiatives in Malaysia should better leverage social media to reach out to youth while also developing strategies to address emerging challenges.


Keywords: Youth; Political Literacy; Political Education; Social Media; Malaysia

PENGENALAN

Unjuran tahun 2030 memperlihatkan peratusan besar pemegang pucuk pimpinan negara bakal dicorakkan oleh komposisi penduduk dari golongan belia (Mohd Uzaini & Suhana, 2018). Dalam konteks tersebut belia merupakan aset yang meneraju arus perdana negara, sayugia layak diberi ruang, peluang dan kepercayaan bagi melibatkan diri dalam landskap kepimpinan negara. Namun begitu, mengambil faktor usia muda, kenaifan serta kurang pendedahan pengalaman telah menyumbang kepada keterpinggiran golongan tersebut untuk teruja memahami pergolakan politik tanah air. Ini ditambah dengan kesibukan kehidupan dalam fasa umur paling aktif mengurus aktiviti akademik, kerjaya dan kekeluargaan mengakibatkan tumpuan ke arah isu-isu politik tidak dapat menarik perhatian mereka sepenuhnya. Pendedahan dari awal usia muda mampu mengakarumbikan keinginan untuk ambil tahu serta peka terhadap keunikan, kelebihan, kepincangan serta kelompangan dalam institusi yang melibatkan bidang politik negara (Irma Wani et.al, 2021).

Menurut Ruzian et al., (2019), media baharu merupakan platform pendidikan yang unik dan fleksibel dalam penyampaian ilmu secara berkesan. Media sosial telah menjadi platform utama bagi golongan muda untuk memperoleh maklumat, berinteraksi dan mengembangkan kesedaran politik. Golongan muda hari ini menunjukkan kecenderungan yang kuat untuk mendapatkan isu-isu politik yang lebih ringkas tetapi padat, yang disampaikan melalui pelbagai kandungan digital seperti podcast, infografik, dan video pendek. Keupayaan untuk mendapatkan maklumat yang padat ini di hujung jari pada bila-bila masa sahaja telah menjadikan platform ini sebagai nadi penyebaran ilmu politik. Hal ini menunjukkan bahawa media sosial telah berjaya merubah pola penyampaian maklumat politik secara radikal, menyesuaikan dengan citarasa dan tabiat penggunaan belia. Rajah 1 di bawah menunjukkan statistik platform media sosial yang digemari di Malaysia.

Rajah 1: Platform Media Sosial yang Digemari di Malaysia



Sumber: <https://www.meltwater.com/>

Selain itu, media sosial mendorong keterlibatan belia dalam proses politik dan partisipasi dalam diskusi politik. Platform digital ini telah menunjukkan pengaruh yang besar terhadap literasi politik generasi milenial terbukti daripada keaktifan mereka membahas isu-isu politik secara dalam talian. Pempengaruh politik telah memanfaatkan kecanggihan teknologi ini secara maksimum untuk mengupas sesuatu isu

secara meluas melalui kandungan yang dioptimumkan (ringkas tetapi padat), yang kemudiannya menjadikannya lebih mudah difahami dan meyakinkan kelompok pilihan politik masing-masing.

Secara keseluruhannya, kandungan media massa seperti kempen, ideologi, manifesto dan blog-blog parti politik memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi fikiran golongan belia. Aplikasi ruang siber melalui penggunaan media alternatif seperti blog, emel, Youtube, Facebook, Twitter (X) dan TikTok telah memperluaskan lagi ruang bersuara belia dan secara tidak langsung meningkatkan penglibatan politik belia. Rakyat semakin berani untuk menyuarakan rasa ketidakpuasan hati mereka dengan menggunakan ruang siber yang disediakan. Maka, menerusi kajian ini penulis berhasrat untuk memfokuskan kepada peranan media sosial terhadap literasi politik belia di Malaysia dengan lebih lanjut lagi.

PERMASALAHAN KAJIAN

Selain keluarga dan institusi pendidikan, media massa juga bertindak sebagai agen sosialisasi yang sangat berpengaruh kepada masyarakat semasa. Dari sudut sosiologi, media memainkan peranan yang cukup penting dalam setiap aspek kehidupan dan memberi kesan tertentu terhadap cara seseorang individu mempelajari tentang dunia dan berinteraksi antara satu sama lain (Chala 2004). Kesan ini amat ketara jika diperhalusi proses bagaimana media menghubungkan individu dengan pelbagai institusi sosial seperti politik dan budaya.

Kini, dalam era digitalisasi yang pesat berkembang, media sosial telah menjadi nadi kepada penyebaran ilmu politik terutamanya dalam kalangan belia. Pergeseran ini menandakan anjakan kuasa maklumat daripada media yang dikawal dan ditapis (seperti televisyen) kepada hab maklumat yang terdesentralisasi dan lebih mudah dicapai. Analisis terhadap corak penglibatan belia menunjukkan bahawa kekurangan minat tidak semestinya menjadi punca utama penglibatan politik yang rendah sebaliknya belia didapati memiliki tahap pengetahuan politik yang tinggi. Implikasinya, masalah bukan terletak pada ketiadaan minat tetapi pada keterbatasan format dan akses pendidikan politik konvensional. Media sosial, dengan cirinya yang segera dan mudah dicapai, telah berjaya mengisi jurang ketersediaan maklumat ini, tetapi ia belum berjaya menangani jurang kematangan dan analisis kritis yang diperlukan untuk partisipasi politik yang berkualiti.

Menurut Junaidi et al. (2012), senario politik yang memerlukan maklumat yang cepat dan juga kelemahan media tradisional sebagai penyampai maklumat menyebabkan rakyat mula beralih kepada medium komunikasi yang baru iaitu internet dan media digital. Media sosial telah menjadi salah satu platform utama untuk rakyat mendapat maklumat yang berkaitan dengan politik sesebuah negara termasuk Malaysia. Selain itu, internet dan media sosial juga turut membuka ruang yang baru dalam pendemokrasian capaian dan penyaluran maklumat yang berkaitan dengan politik. Ditambah lagi dengan penguatkuasaan Undi 18 memungkinan lagi penggunaan media secara optimum kerana mereka merupakan pengguna media sosial paling ramai di Malaysia.

Literasi politik merupakan isu utama yang membawa kepada permasalahan sehingga kini. Akibat daripada kurang pemahaman dan bergantung dengan persepsi dan politik ikut-ikutan, rakyat akan melalui proses politik negara dengan penuh kesamaran dan mengakibatkan penyertaan atau partisipasi dalam politik secara songsang dan lebih memburukkan lagi terdapat jumlah peratusan yang besar memilih untuk tidak terlibat dalam politik termasuklah pengundian pilihan raya. Shamsul (2013) menyokong pendapat di atas dengan membuktikan bahawa menerusi kajian beliau mengenai kedudukan literasi politik di Malaysia menunjukkan bahawa peratusan rakyat yang celik politik berada di paras rendah. Jaminan kepada kesetiaan rakyat dan sifat patriotisme adalah melalui sistem politik yang telus dan dinamik. Literasi politik adalah suatu matlamat penting bagi menentukan kesetiaan rakyat. Ini kerana dengan celiknya seseorang akan isu, proses dan kepentingan politik, rakyat akan berusaha untuk memastikan mereka melibatkan diri dalam politik yang telus dan bersih.

KAJIAN LITERATUR

Literasi Politik

Jaminan kepada kesetiaan rakyat dan sifat patriotisme adalah melalui sistem politik yang telus dan dinamik. Literasi politik adalah suatu matlamat penting bagi menentukan kesetiaan rakyat. Ini kerana dengan celiknya seseorang akan isu, proses dan kepentingan politik, rakyat akan berusaha untuk memastikan mereka melibatkan diri dalam politik yang telus dan bersih. Justeru, sosialisasi politik menjadi satu instrumen penting dalam memastikan literasi politik terlaksana.

Literatur mengenai literasi politik dan tingkah laku pengundi telah meneroka pelbagai definisi dan kerangka kerja yang menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang dinamik pengundi. Seperti yang didefinisikan oleh Dağ dan Koçer (2019), literasi politik merujuk kepada pengetahuan yang diperlukan untuk membuat keputusan yang berinformasi dan terlibat dalam perbincangan kritikal tanpa prasangka. Begitu juga, Zaller (1992) menekankan keupayaan individu untuk memahami peristiwa dan konsep politik, menunjukkan bahawa literasi politik adalah penting dalam membentuk pemahaman pengundi terhadap persekitaran sosio-politik mereka.

Telah banyak karya yang ditulis dan diwacanakan oleh pengkaji terdahulu baik dari luar negara atau dalam negara dalam membincangkan perihal tersebut daripada pelbagai sudut dan perspektif. Kajian oleh Carol A. Cassel & Cella C. Lo (1997) menyatakan literasi politik tidak boleh diukur secara langsung, tetapi menganggap jika rakyat celik politik, mereka memahami perbezaan parti dan mengetahui konsep dan fakta politik asas. Nama lain untuk konsep ini termasuk kepakaran politik, kesedaran politik, dan kecekapan sivik. Begitu juga kajian yang telah dilakukan oleh Nadeya et.al (2016), yang memberikan pandangan tentang sejauh mana penyertaan pelajar universiti dalam politik melalui penglibatan dalam talian. Kajian menunjukkan tahap penyertaan politik dalam talian yang tinggi dalam kalangan pelajar di Universiti Teknologi MARA dipengaruhi oleh faktor seperti kepentingan politik, kemahiran internet dan komunikasi melalui media sosial. Selain itu, penyertaan politik paling ramai adalah lingkungan anak muda yang berumur 22 hingga 25 tahun yang mendominasi 64.9 peratus responden manakala bagi umur 18 hingga 21 tahun hanya melibatkan 25.9 peratus sahaja dalam kalangan responden. Hal ini memberikan gambaran bahawa generasi muda berumur 18 hingga 21 tahun tidak cakna dan juga tidak berminat untuk berpartisipasi dalam politik dibandingkan dengan had umur generasi muda yang boleh mengundi sebelum ini iaitu 21 tahun dan ke atas.

Azrie et.al (2023) menjelaskan bahawa parti-parti yang bertanding dan mengutamakan aspirasi belia akan lebih diutamakan oleh golongan belia untuk diundi. Sebaliknya, parti-parti yang gagal memenuhi aspirasi golongan belia akan ditolak oleh golongan belia. Kegagalan memenuhi aspirasi belia turut menjadi faktor kekalahan kerajaan Barisan Nasional yang memerintah Malaysia selama 60 tahun. Kesimpulan daripada dapatan kajian ini, golongan belia akan menolak parti yang tidak memberi manfaat kepada mereka dan mereka akan menyokong parti-parti dan pemimpin yang dipercayai akan memenuhi aspirasi mereka. Berdasarkan kepada dapatan kajian ini, wujud faktor-faktor lain yang turut mempengaruhi pembabitan politik golongan belia, terutama sekali di kawasan pinggir bandar.

Kajian oleh Nik Hairi et.al. (2024) menyatakan bahawa lebih 80% mempunyai pandangan positif (setuju dan sangat setuju) dengan keputusan kerajaan meluluskan dasar Undi-18 dan menganggap ia adalah keputusan yang tepat. Kesanggupan keluar mengundi responden pula amat tinggi iaitu sekitar 86.7-88.6%. Majoriti responden (68-97%) menunjukkan pola sikap politik yang mengidamkan ciri-ciri pemimpin dan parti politik yang berintegriti tinggi. Namun, majoriti sedar tidak semua calon dan parti politik adalah berintegriti tinggi dan akan membuat pilihan yang terbaik semasa memilih. Dapatan juga menunjukkan majoriti pengundi kali pertama mempunyai sikap politik partisan dan cenderung untuk memberi undi kepada parti yang telah ditetapkan sejak awal. Penilaian terhadap integriti gabungan parti-parti politik pula menunjukkan gabungan PN dinilai paling berintegriti diikuti PH, GTA dan BN.

Belia dan Media Sosial

Ruang demokrasi maklumat khususnya menerusi media baharu telah meningkatkan amalan partisipasi dalam kalangan pengguna terutamanya golongan belia. Sejalan dengan hasil kajian Mohd Fuad Mat Jali (2012) mendapati bahawa tabiat pemilihan belia adalah berbeza berbanding golongan dewasa, kerana golongan dewasa lebih berminat membaca akhbar harian, menonton berita, mendengar berita di radio dan sebagainya. Namun di Internet, adalah sebaliknya kerana medium ini banyak digunakan oleh belia untuk belajar tentang partisipasi politik. Definisi partisipasi politik berdasarkan kajian Holt et al. (2013) menyatakan bahawa partisipasi merujuk kepada komponen tingkah laku dalam penglibatan politik sebagai aktiviti yang mempunyai tujuan dan memberi kesan dalam mempengaruhi tindakan kerajaan. Sama ada secara langsung, iaitu dengan memberi kesan dalam penggubalan atau pelaksana dasar awam. Manakala secara tidak langsung dengan mempengaruhi dalam pemilihan siapa bakal berkuasa menggubal dasar negara.

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, istilah belia membawa maksud golongan muda yang telah umur. Belia mencapai tahap kematangan dari segi pemikiran dan tanggungjawab, namun belum mencapai usia tua. Maksud ini menggambarkan bahawa belia ialah kumpulan individu yang berada pada fasa peralihan antara remaja dengan dewasa yang merupakan satu tempoh penting dalam kehidupan seseorang di mana mereka sedang membentuk identiti diri, pendirian dan nilai-nilai kehidupan yang akan menentukan peranan mereka dalam masyarakat. Dalam konteks ini, belia bukan sekadar diukur berdasarkan usia muda semata-mata, tetapi turut merujuk kepada tahap kematangan mental, sosial dan moral seseorang individu.

Dalam konteks undang-undang dan dasar negara pula, menurut Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668) yang telah dipinda pada tahun 2019, belia ditakrifkan sebagai individu yang berumur antara 15 hingga 30 tahun. Seperti yang digariskan dalam Dasar Belia Malaysia 2015, belia didefinisikan sebagai individu yang berumur 15 sehingga 30 tahun yang turut dipecahkan kepada tiga kumpulan utama iaitu belia awal (15 hingga 18 tahun), belia pertengahan (19 hingga 24 tahun) dan belia akhir (25 hingga 30 tahun). Takrifan ini juga akan digunakan secara rasmi oleh kerajaan Malaysia, khususnya oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS), bagi merangka dasar dan program pembangunan belia di negara ini bernula pada 1 Januari 2026 nanti (Berita Harian, 2025). Penglibatan belia adalah penting sebagai pemacu dalam Pembangunan ekonomi negara. Mereka adalah golongan yang berpotensi dalam memberikan sumbangan positif yang bukan sahaja kepada diri mereka sendiri, malah juga kepada keluarga dan masyarakat (Suandi et.al, 2008). Walaupun begitu, sumbangan belia juga diperlukan dalam politik pada hari ini. Keterlibatan mereka dalam politik akan membolehkan mereka terdedah kepada kemahiran pengurusan dan kepimpinan.

Dari sudut sosiologi dan pembangunan, belia dianggap sebagai agen perubahan sosial yang mempunyai tenaga, idea baharu dan semangat tinggi untuk membawa pembaharuan dalam masyarakat. Oleh sebab itu, mereka sering diberi perhatian dalam dasar pembangunan negara kerana masa depan sesebuah bangsa banyak bergantung kepada sejauh mana golongan belia dibentuk dengan nilai-nilai positif, kesedaran sivik, dan kemahiran kepimpinan. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun adalah layak sebagai pengundi seperti yang termaktub dalam pindaan Perkara 119(1)(a) dan Perkara 47 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Pindaan ini telah diluluskan secara sebulat suara oleh Dewan Rakyat pada 16 Julai 2019 dan disokong oleh semua parti politik tanpa mengira ideologi.

Media sosial pula adalah teknologi terkini yang berkait rapat dengan bidang komunikasi. Secara amnya, medium ini memainkan peranan yang sangat penting bukan hanya terhad kepada cabang bidang komunikasi, malah berupaya menyebarkan maklumat kepada seluruh masyarakat. Medium komunikasi ini sememangnya mempunyai sasaran khalayaknya yang tersendiri khususnya kepada golongan belia. Menerusi penyebaran maklumat, teknologi media mampu untuk mempengaruhi setiap golongan masyarakat dalam segenap sudut seperti pemikiran mahupun persepsi. Pengaruh teknologi media terhadap masyarakat terutamanya bagi seseorang individu itu adalah berbeza dan bergantung kepada pemikiran dan persepsi tersendiri.

Kewujudan media sosial adalah disebabkan berlakunya perkembangan teknologi digital dalam dunia siber. Media sosial juga boleh dikategorikan sebagai ‘Media Baharu’ iaitu merujuk kepada media interaktif atau multimedia serta tidak menghadapi apa juga sekatan ke atas transmisi yang melampaui jarak dan waktu. Menurut Kaplan dan Haenlein (2010), laman sesawang berbentuk media sosial boleh dikategorikan kepada platform rangkaian social (MySpace, LinkedIn, Facebook), platform penerbitan media (Wordpress, Blogger, Wikipedia), platform perkongsian kandungan (YouTube, Flickr), platform perbincangan (Yahoo Messenger, Skype), platform microblogging (Twitter, Tumblr), platform siaran langsung (Lifestream), dan platform dunia maya (Second Life).


Secara amnya, media baharu memainkan peranan yang penting dan ianya tidak terhad kepada cabang komunikasi. Noradilah et.al. (2017) menyatakan bahawa kewujudan medium ini seharusnya menjadi sumber rujukan masyarakat terutamanya generasi muda. Kepelbagaian rangkaian media baharu dalam kehidupan masa kini menjadi satu platform penyebaran maklumat dan kemudahan komunikasi yang dapat memperkukuhkan jaringan telekomunikasi.

Terdapat banyak kajian mengenai penggunaan media dalam kalangan belia tetapi kajian tersebut lebih memfokuskan kepada media massa seperti media cetak dan media elektronik. Maka, kajian ini dibuat berfokuskan kepada mengisi kelompongan peranan media sosial dalam menjana literasi politik belia di Malaysia pasca pelaksanaan Undi18.

KERANGKA KONSEP

Konsep ini menunjukkan media sosial berfungsi sebagai ruang interaksi yang dinamik antara pengeluar maklumat politik dan golongan belia sebagai penerima serta penafsir maklumat tersebut. Dalam konteks ini, menjelaskan bahawa komunikasi bukan lagi bersifat sehalu seperti dalam media tradisional sebaliknya bersifat dua hala dan interaktif di mana belia bukan hanya menjadi penerima pasif kepada maklumat tetapi turut menjadi penyebar, pengulas dan pencipta kandungan politik di platform media sosial.

Rajah 2: Hubungan antara Belia, Media Sosial dan Literasi Politik



Secara umumnya, konsep ini merujuk kepada satu kerangka yang menjelaskan bagaimana maklumat, mesej dan idea yang bersifat politik dihasilkan, disebarkan, diterima serta ditafsirkan oleh pelbagai pihak dalam sesebuah sistem politik. Ia tidak hanya terbatas kepada komunikasi antara ahli politik dengan rakyat, tetapi juga mencakupi bagaimana media berperanan sebagai saluran utama dalam membentuk pemahaman dan persepsi masyarakat terhadap isu-isu politik.

Hubungan antara konsep ini juga menerangkan bagaimana proses penyebaran maklumat politik di media sosial mampu menjana literasi politik, iaitu tahap kefahaman, kesedaran dan keupayaan belia untuk menilai isu-isu politik secara kritikal. Melalui media sosial seperti TikTok, Instagram dan X (Twitter), mesej politik disampaikan secara pantas dan mudah diakses membolehkan belia berinteraksi dengan pelbagai pandangan dan sumber maklumat. Proses komunikasi ini, dapat memperkasa belia untuk memahami sistem politik, mengenal pasti isu semasa, serta membentuk pendapat mereka sendiri terhadap dasar dan tindakan kerajaan. Dalam hal ini, media sosial bukan sahaja menyebarkan maklumat, tetapi juga berperanan dalam membentuk sikap, persepsi, dan tindakan politik generasi muda.


Komunikasi politik melalui media sosial bukan sekadar penyampaian maklumat berkaitan dasar atau ideologi, tetapi turut melibatkan proses pembentukan persepsi, sikap dan tingkah laku politik dalam kalangan masyarakat. Proses ini secara tidak langsung meningkatkan tahap literasi politik mereka kerana mereka terdedah kepada pelbagai sudut pandang dan berpeluang menilai kepentingan sesuatu isu dalam konteks sosial dan politik negara. Walaupun proses ini meningkatkan literasi politik kerana belia belajar memahami konteks, dasar dan implikasi ke atas isu yang diutarakan dan akan meningkatkan literasi politik namun ia juga boleh menurunkan kualiti literasi jika isu yang dipopularkan adalah propaganda atau berita palsu.

Kerangka konsep ini menunjukkan bahawa media sosial ialah pemangkin utama dalam menjana literasi politik belia dengan syarat ia digunakan secara bertanggungjawab dan kritis. Literasi politik belia melalui media sosial bukan sahaja meningkatkan kesedaran demokrasi, tetapi juga membentuk kepimpinan masa depan yang lebih matang, beretika, dan berwawasan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis kepustakaan atau analisis dokumen. Data diperolehi daripada pelbagai sumber seperti jurnal akademik, prosiding persidangan, buku ilmiah, laporan dasar Kerajaan dan NGO dan laporan akhbar yang relevan. Antara tujuan lain kajian kepustakaan adalah membuat huraian yang sistematik serta mencari informasi atau maklumat yang relevan dan bersesuaian dengan permasalahan yang dikaji. Kesemua data ini dianalisis secara sistematik melalui proses sintesis maklumat yang lengkap dan menyeluruh terhadap persoalan kajian mengenai pemanfaatan serta impak media sosial dalam menjana literasi politik golongan belia.

Rajah 2: Proses Analisis Kepustakaan dan Dokumen



DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Belia dan Literasi Politik

Dapatan kajian mendapati, belia merupakan aset terpenting dalam negara dan semakin mendapat perhatian pada masa kini untuk memastikan kejayaan serta kemakmuran sesebuah negara dapat dicapai. Jika dahulu golongan ini sering disisihkan, namun kini tidak lagi apabila situasi politik di Malaysia berubah selepas Pilihan Raya Umum ke-14 berakhir. Hal ini juga dapat dilihat apabila golongan belia di Malaysia kini telah mengambil serius hal ehwal politik Malaysia malahan bertindak dengan berani untuk mengubah pentadbiran kerajaan yang memerintah selama lebih 60 tahun kepada sebuah kerajaan baharu. Perubahan ini bukan sahaja memberi kesan kepada negara malahan telah membuka mata semua pihak bahawa golongan ini juga wajar diberi perhatian yang serius memandangkan mereka merupakan generasi pelapis dalam mentadbir negara. Peningkatan arus kemodenan yang berlaku di seluruh negara secara langsung memberikan kesan yang besar kepada meningkatnya tahap penglibatan politik atau celik politik dalam kalangan golongan belia. Berbanding dengan golongan yang lebih berusia yang seringkali dilihat mengamalkan 'politik lama' seperti tidak berani berubah, golongan belia pula dilihat sebaliknya.

Kesedaran meluas terhadap politik juga mampu menjadikan seseorang belia lebih kritikal. Ia dapat dilihat apabila terdapat segelintir pemimpin belia atau individu belia di negara ini yang berupaya menonjolkan diri mereka sebagai seorang yang berkaliber dan dihormati. Golongan belia juga tidak terlepas dari arus pemodenan yang pesat melanda dunia kini. Keprihatinan dan penglibatan politik golongan belia yang semakin aktif ini adalah seiring dengan perubahan yang berlaku dalam masyarakat umumnya. Kajian Fatimah dan Ali (2015) membuktikan berlaku peningkatan penglibatan politik masyarakat dari tahap yang dahulunya sederhana ke tahap yang lebih tinggi. Manakala kajian yang dijalankan oleh Mohd Nizar et al. (2017) pula menunjukkan bahawa kejayaan sesebuah parti dalam pilihan raya yang mendapat dukungan golongan belia masa kini banyak ditentukan oleh dasar yang bakal dibentuk seperti dinyatakan dalam manifesto, nilai yang ingin dibawa dalam pemerintahan oleh sesebuah parti dan mengengahkan calon yang berkaliber.

Golongan belia merupakan komuniti sihat, produktif dan aktif yang mampu mencorakkan iklim ekonomi, sosial dan politik negara. Oleh yang demikian, golongan yang berumur 18 tahun seharusnya diberikan peluang untuk membuat keputusan dalam memilih pemimpin kerana undian haruslah merangkumi pelbagai peringkat usia bagi mengukur dan menilai kejayaan kerajaan yang wujud dalam pelbagai perspektif. Ketika mana golongan muda dibenarkan untuk mengundi, bukan sahaja mereka menjadi berani dalam menyuarakan isu-isu berkaitan diri mereka, malahan yakin dalam memperjuangkan perkara yang bersabit dengan kesejahteraan umum (Irma Wani et.al, 2021).

Peranan Media Sosial dalam Mengatasi Literasi Politik Belia

Berdasarkan pengumuman Digital 2019, Malaysia meletakkan kedudukannya sebagai negara pertama di Asia Tenggara dan ke-5 di dunia cakna penguasaan medium media sosial (Berita Harian, 2019). Statistik memperlihatkan antara tiga sehingga lapan jam dihabiskan oleh rakyat Malaysia menggunakan capaian internet dengan melayari platform media sosial iaitu hampir 80% dari pengguna tersebut adalah golongan belia. Bertitik tolak dari corak penggunaan tegar platform media sosial maka ahli politik boleh mengambil kesempatan dengan mendidik belia menjadi warganegara yang berilmu serta bertanggungjawab mengambil bahagian dalam isu-isu politik negara. Usaha untuk mencorak kepimpinan belia boleh disebarluaskan melalui aplikasi media sosial yang canggih serta menarik minat generasi muda.

Kemunculan media sosial hasil daripada perkembangan rangkaian internet telah menjadikan media tersebut sebagai agen demokrasi maklumat. Tambahan lagi, media sosial menawarkan pelbagai jenis maklumat terkini seperti dialog dan perkongsian maklumat melalui blog, forum, wiki, chat, rangkaian sosial serta lain-lain perisian. Bukan itu sahaja, *hyperlink* dan enjin carian juga dapat menghubungkan semua secara bersama di samping memberi lebih banyak pilihan kepada para pengguna untuk meneroka dan berkongsi maklumat. Media sosial memberi pengaruh yang signifikan terhadap pendidikan politik

belia baik secara positif maupun negatif. Berikut adalah peranan media sosial dalam mengatasi literasi politik belia iaitu:

- 1) Akses Maklumat
Media sosial memudahkan akses terhadap informasi politik dan berita terkini daripada berbagai sumber tentang isu-isu politik dan perkembangan terbaru negara.
- 2) Partisipasi Politik
Media sosial memberikan platform bagi para belia untuk berpartisipasi dalam diskusi politik, mengungkapkan pandangan mereka dan terlibat dalam aktiviti politik. Ini dapat meningkatkan kesedaran politik dan memotivasikan mereka untuk menyumbang dalam proses politik.
- 3) Memperluaskan Jangkauan Isu Politik
Menerusi media sosial, isu-isu politik dapat tersebar dengan cepat kepada pelbagai kelompok masyarakat termasuk belia. Hal ini memudahkan mereka untuk memahami masalah-masalah politik dari perspektif yang berbeza.
- 4) Mempengaruhi Pandangan
Media sosial berkemampuan untuk mempengaruhi pandangan dan sikap politik belia menerusi konten yang tersebar luas. Kadangkala maklumat yang tidak tepat akan menyebabkan pemahaman yang keliru atau pemikiran yang ekstrem.
- 5) Keterbatasan Analisis
Media sosial sering menyajikan maklumat dalam bentuk yang ringkas dan sederhana. Ini dapat menarik minat belia untuk menganalisis isu-isu politik secara mendalam dan memahami konteks politik dengan lebih mudah. Tindakan bijak para ahli politik yang tidak selektif dalam menggunakan media sosial tetapi mengaplikasikan secara menyeluruh berupaya mencapai populasi belia yang lebih luas. Ini dapat membantu menyelar pemalsuan berita yang menjejaskan kredibiliti dan imej sesuatu pihak dengan cara yang mudah dan pada masa yang singkat.

Sememangnya penggunaan media sangat mudah dipraktikkan dalam gaya hidup masyarakat. Selain menjadi agen penyampai kepada masyarakat, media baharu juga menjadi salah satu perantara mekanikal yang mengandungi, menyimpan dan mentransmisi mesej. Media baharu ini juga meliputi peranan yang menggunakan perantara tersebut untuk menyalurkan mesej. Menerusi perantara saluran media, sesuatu mesej dapat disalurkan kepada khalayak secara jelas dan meluas. Jarak di antara penyampai dan penerima maklumat tidak menjadi halangan kerana ianya boleh disalurkan dan diperolehi menerusi medium ini dalam jangka masa tertentu. Fungsi media yang diketahui umum juga merupakan pengganda maklumat yang sangat berpotensi untuk menyalurkan pelbagai informasi kepada kumpulan sasaran tertentu.

Perkembangan media telah membawa banyak perubahan menerusi setiap aspek kehidupan manusia dan mempunyai sandaran yang kuat dalam proses penyampaian. Walaubagaimanapun, variasi maklumat banyak disalurkan kepada masyarakat menerusi saluran media sosial. Inovasi teknologi media sosial yang lebih canggih berbanding dengan media tradisional amat membantu proses penyaluran maklumat kepada masyarakat. Penyampaian maklumat lebih tertumpu kepada laman sesawang (*website*), blog dan media sosial. Informasi kenegaraan yang disalurkan menerusi kesemua medium media ini memainkan peranan yang sangat penting dalam menyebarkan maklumat, menyampaikan ilmu pengetahuan dan sekaligus mendidik masyarakat. Kietzmann et al. (2011) membahagikan media sosial kepada tujuh dimensi utama: identiti, kehadiran, perkongsian, hubungan, kumpulan, perbualan dan reputasi. Dimensi ini menunjukkan bahawa media sosial bukan sekadar saluran komunikasi, tetapi juga platform membina komuniti dan membentuk reputasi.

Penguasaan media sosial yang baik boleh merapatkan jurang antara ahli politik yang berpengalaman dengan golongan muda yang tegar teknologi telekomunikasi (Berita Harian, 2021). Natiujahnya, pengaplikasian media sosial dan pendidikan politik mempunyai hubungkait dalam memahami corak pemikiran dua kumpulan yang berbeza latar belakang tetapi mempunyai keperluan untuk saling melengkapi. Tahap penglibatan akrab antara ahli politik dengan golongan belia menjadi mudah apabila wujudnya komunikasi dua hala. Tambahan pula, aplikasi media pintar yang dilengkapi dalam telefon pintar signifikan dalam membuat capaian info meluas dan tidak terbatas mampu mengakses maklumat terkini secara meluas serta menggalakkan penyebaran maklumat tanpa sekatan.

Belia dan Undi18

Hasil kajian juga menjelaskan, peranan belia Malaysia sejak pelaksanaan pindaan perlembagaan bagi menurunkan umur pengundi kepada 18 tahun (Undi18) pada tahun 2021. Pelaksanaan Undi-18 di Malaysia menandakan satu perubahan besar dalam landskap politik negara, di mana golongan belia berusia 18 tahun ke atas kini mempunyai hak untuk menentukan hala tuju kepimpinan negara melalui pilihan raya. Perubahan ini menuntut satu bentuk literasi politik yang kukuh agar belia dapat membuat keputusan yang rasional, berinformasi dan bertanggungjawab. Undi18 juga mencerminkan pengiktirafan terhadap kematangan politik belia, bahawa mereka mampu membuat keputusan rasional dalam memilih pemimpin dan memahami isu-isu nasional. Dalam konteks pendidikan politik, langkah ini menuntut peningkatan tahap literasi politik dan sivik dalam kalangan belia, supaya mereka tidak hanya mengundi secara emosi, tetapi berasaskan pengetahuan, nilai dan pertimbangan yang wajar.

Menurut Zulkifley & Mohd. Asyraf (2014), Undi18 yang diperkenalkan oleh kerajaan juga adalah satu langkah positif bagi memperkasakan pendidikan politik dalam kalangan belia. Ia memberikan peluang kepada mereka untuk memahami proses politik dan pilihan raya secara terperinci, serta melibatkan diri secara aktif dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan negara dan masyarakat. Dalam usaha merungkai pendidikan politik, perkara asas yang patut menjadi tumpuan adalah melengkapi generasi muda dengan kemahiran berfikir secara “worldview” (pandangan dunia) atau lebih sinonim dikenali sebagai konsep “big picture thinking” (gambaran pemikiran besar) serta “detailed oriented” (orientasi pemerincian). Anugerah berfikir yang dimiliki oleh setiap manusia adalah sesuatu kemahiran yang boleh dilatih.

Pelaksanaan Undi18 telah membawa beberapa kesan penting kepada sistem politik dan sosial negara seperti berikut:

- 1) **Perluasan Jumlah Pengundi Muda**
Dengan pelaksanaan Undi18 dan pendaftaran automatik, jumlah pengundi berumur 18 hingga 20 tahun meningkat dengan ketara. SPR melaporkan bahawa selepas pelaksanaan Undi18, lebih 5.8 juta pengundi baharu telah didaftarkan, menjadikan sebahagian besar pengundi Malaysia kini terdiri daripada belia berumur bawah 40 tahun.
- 2) **Perubahan Strategi Politik dan Kempen**
Parti-parti politik kini terpaksa menyesuaikan pendekatan mereka untuk menarik sokongan belia. Media sosial seperti TikTok, Instagram, dan Twitter menjadi medium utama dalam menyebarkan mesej politik. Golongan belia juga dilihat lebih cenderung kepada isu seperti pendidikan, kos sara hidup, peluang pekerjaan, dan integriti pemimpin berbanding ideologi parti tradisional.
- 3) **Cabaran Literasi Politik Belia**
Walaupun Undi18 memberi peluang kepada belia untuk mengundi, tahap kesedaran politik dan kefahaman terhadap sistem demokrasi dalam kalangan sebahagian belia masih rendah. Terdapat kebimbangan bahawa segelintir belia mudah terpengaruh dengan maklumat palsu atau propaganda di media sosial. Oleh itu, program pendidikan sivik, literasi media, dan latihan kepimpinan menjadi sangat penting untuk memastikan belia menjadi pengundi yang bijak dan bertanggungjawab.

4) Penglibatan Belia dalam Kepimpinan

Dengan had umur calon diturunkan kepada 18 tahun, kini wujud peluang baharu untuk belia sendiri bertanding dalam pilihan raya dan menyumbang secara langsung dalam pembuatan dasar. Hal ini memberi ruang kepada suara belia untuk diwakili secara sah dalam pentadbiran negara.

Pendidikan Politik Belia

Berdasarkan dapatan juga, pendidikan politik juga harus menekankan penggunaan rasional dalam menimbang hujah serta pandangan. Hanya dengan ini, para belia dapat membezakan antara retorik dan logik. Mereka juga mesti memahami aspirasi negara (bukan parti pemerintah) contohnya melalui pengertian Rukun Negara (yang kadang-kala pada kita hanyalah hafalan mantera semasa perhimpunan mingguan di sekolah). Secara ringkasnya, pendidikan politik inilah yang bakal menghasilkan warga yang matang ataupun dalam disiplin sains politik sering dirujuk sebagai kecekapan politik (*political literacy*). Oleh itu, pendidikan politik di sekolah tidak semestinya dengan memperkenalkan mata pelajaran yang baharu akan tetapi ia boleh sahaja dengan memantapkan mata pelajaran yang sedia ada kerana fokus yang paling penting adalah melahirkan belia/bakal pengundi/warganegara yang matang dalam berpolitik.

Menurut "*Theory of Citizenship Education*" oleh Benard Crick, rakyat perlu mempunyai peluang pendidikan politik supaya menjadi warganegara yang baik dalam sesebuah negara (Shaari et.al., 2017). Malaysia membuktikan akan kepentingan literasi politik dengan memastikan rakyat berpeluang mendapatkan pendidikan politik di negara ini. Berdasarkan disiplin Sains Politik, pendidikan politik secara mudahnya ditakrifkan sebagai pembinaan keupayaan seorang warga untuk terlibat dalam proses membuat keputusan pada tingkat yang berbeza, baik dalam politik formal mahupun tidak formal. Ia termasuk pemahaman bagaimana kerajaan berfungsi dan isu-isu penting yang dihadapi oleh masyarakat, serta kemahiran berfikir kritis untuk menilai pandangan yang berbeza. Maka, pendidikan politik ini seringkali ditindan-tindih dengan pendidikan sivik, pendidikan kenegaraan, pendidikan moral serta pemikiran kritis. Ada juga yang menyatakan bahawa pendidikan sejarah serta kajian tempatan juga sebahagian daripada pendidikan politik.

Banyak pengkaji meletakkan matlamat pendidikan itu sendiri, selain daripada menyediakan pelajar untuk menyertai dunia pekerjaan, juga memiliki fungsi politik iaitu membentuk warga yang bertanggungjawab – sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) yang dengan jelas menyatakan:

"Dan bahawasanya pendidikan mempunyai peranan penting dalam menjayakan wawasan negara demi untuk mencapai taraf negara maju sepenuhnya dan segi kemajuan ekonomi, keadilan sosial, dan kekuatan rohani, moral dan etika, ke arah mewujudkan suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, liberal dan dinamik."

Pendidikan politik dalam kalangan belia bukanlah dengan menghafal sejarah parti politik atau pemimpin-pemimpinnya (walaupun sedikit sebanyak ini yang dilakukan sebelum ini) tetapi adalah untuk membina kemahiran berfikir serta mengartikulasikan idea mereka. Pendidikan politik juga bertujuan untuk mendidik belia dengan semangat demokrasi, merayakan kemajmukan pandangan, menghargai perbezaan serta menghormati keluhuran Perlembangaan. Pendidikan politik tidak harus menjurus belia untuk menyanjung atau memuja mana-mana parti mahupun pemimpin tertentu tetapi pada masa sama masih berlaku adil terhadap sumbangan serta bakti mereka. Malah, matlamat pendidikan politik adalah untuk membebaskan rasa kebergantungan (*dependency*) ini yang merupakan saki baki nilai neo-feudalisme yang masih melekat dalam diri kita.

Tidak dinafikan, sistem pendidikan formal penting bagi melahirkan kematangan politik belia negara, namun kematangan politik merupakan satu nilai peradaban yang tinggi dan tidak mungkin boleh dicapai

menerusi sistem pendidikan formal semata-mata. Pemerksaan peranan belia dalam soal-soal kemasyarakatan dan kesukarelawan komuniti sejak bangku sekolah seharusnya tersirat dalam agenda pendidikan nasional bagi membolehkan golongan ini dapat menerapkan pemahaman mereka terhadap keperluan masyarakat setempat dan kepentingan perjuangan budaya politik mengikut acuan citra negara yang positif. Organisasi-organisasi belia seperti Majlis Belia dan persatuan-persatuan belia perlu mengembangkan usaha untuk mendidik dan memimpin golongan belia dalam hal-hal kenegaraan dengan lebih menyeluruh seperti mengadakan kempen-kempen pendidikan kenegaraan terancang dan aktiviti-aktiviti yang boleh membina semangat patriotisme dalam kalangan golongan ini. Belia harus didedahkan dengan ilmu berorganisasi, berpersatuan dan mengenali sifat parti-parti politik sebagai satu kaedah memantapkan fikiran mereka.

Menurut Irma Wani (2019), usaha kerajaan menyusunatur inisiatif bagi memberi pendedahan literasi politik kepada generasi muda dengan cara menggalakkan sistem pendidikan tinggi menawarkan program yang mengandungi elemen sains politik. Dalam konteks tersebut, pendidikan literasi politik wajar mencakupi kepentingan generasi muda mempelajari ilmu politik. Saranan untuk mengikuti perbincangan isu-isu perundangan yang menyentuh sistem perlembagaan negara, parlimen, badan kehakiman dan badan perundangan memberi gambaran hak serta tanggungjawab mereka sebagai rakyat Malaysia (Junaidi et.al, 2012). Silibus yang ditawarkan juga dikenalpasti boleh diperkembangkan berdasarkan tingkat kesesuaian dan keperluan pelajar mengikut usia. Penekanan literasi politik dikaitkan dengan pendedahan berhubung isu-isu semasa politik tanah air dan seterusnya pemahaman pelajar untuk berfikir secara kritis sebagai seorang rakyat yang prihatin. Pemupukan semangat patriotisme terbit dari topik yang melibatkan kemerdekaan dan kedaulatan, sistem pemerintahan negara, intipati Rukun Negara, serta kesetiaan kepada Raja dan Negara.

KESIMPULAN

Dapat disimpulkan di sini, pengaruh media sosial sebenarnya mempunyai impak signifikan dan di luar jangkauan dalam konteks politik di negara ini. Secara umum, terlihat bahawa kelompok yang paling banyak terlibat dalam berinteraksi dengan media sosial adalah individu yang termasuk dalam kelompok belia atau golongan muda. Tidak hairanlah internet telah menjadi salah satu faktor yang mempengaruhi keyakinan dan pemahaman mereka tentang pemerintahan negara dan politik secara umum. Fenomena ini dapat dipandang sebagai hasil daripada generasi saat ini yang lahir di tengah-tengah kemajuan teknologi yang terus berkembang dengan cepat. Suara-suara reformasi yang dibawa oleh golongan belia lebih meluas dikongsi dan dibincangkan di media sosial berbanding di televisyen, radio dan sebagainya. Isu-isu kontemporari lebih mudah dibincangkan dan pengaruh siber berjaya menarik kepercayaan umum untuk memahami maklumat disebar. Kepercayaan ini akan menjadi asas terutamanya untuk golongan belia membuat pilihan dan keputusan.

Tahap literasi politik memainkan peranan penting dalam kemampuan pengundi untuk menilai maklumat politik secara kritikal, terutama di era media sosial di mana maklumat palsu dan berat sebelah semakin berleluasa. Literasi politik membantu pengundi mengenal pasti sumber yang boleh dipercayai, membezakan antara maklumat yang sahih dan yang berniat menyesatkan, serta mengurangkan kecenderungan mereka untuk berkongsi maklumat yang belum disahkan. Belia yang lebih celik politik cenderung mempunyai kebolehan menilai konteks dan kepentingan maklumat sebelum membuat keputusan. Semestinya, literasi politik perlu dipupuk terlebih dahulu bermula dari peringkat sekolah rendah lagi sehingga ke peringkat menengah sebelum kematangan berpolitik dapat diterjemahkan oleh golongan belia. Pihak-pihak berkepentingan seperti agensi kerajaan dan institusi pendidikan boleh menggunakan platform media sosial utama seperti WhatsApp dan TikTok untuk mendidik literasi politik belia dengan memperkenalkan pendekatan kreatif, berfakta dan selaras dengan cara belia berinteraksi dengan maklumat seperti pembelajaran mikro mengenai maklumat politik, gamifikasi politik dan lain-lain lagi.

Pelaksanaan Dasar Undi18 juga menjadi salah satu peringatan kepada parti-parti politik untuk lebih berhati-hati dan peka terhadap isu-isu yang relevan dengan masyarakat, baik di peringkat akar umbi

parti mahu pun di peringkat nasional. Hal ini memandangkan golongan belia ini merupakan antara penyumbang terbesar jumlah pengundi dalam pilihan raya. Sungguhpun terdapat segelintir pendapat yang mengatakan golongan belia masih mentah dalam membuat keputusan, apatah lagi menguruskan diri juga masih belum pasti, namun suara dan pandangan mereka boleh menjadi penentu masa depan negara.

Untuk menjalankan pendidikan politik yang berkesan di kalangan belia, pihak kerajaan dan NGO boleh mengembangkan program yang menyertakan penggunaan teknologi seperti aplikasi mudah alih, media sosial, dan video interaktif untuk menyampaikan maklumat politik yang tepat. Program seperti latihan literasi media dan debat politik boleh memberi ruang kepada belia untuk memahami isu-isu politik secara mendalam. Selain itu, menyediakan platform di mana belia dapat mengakses maklumat yang sahih, seperti forum awam dan ceramah dari pakar politik, akan meningkatkan pemahaman mereka terhadap politik.

Antara contoh pendidikan politik di media sosial di Malaysia ialah melalui kempen Undi18, program literasi politik oleh Majlis Belia Malaysi, serta kandungan TikTok dan Instagram yang mendidik belia tentang demokrasi, pilihan raya dan isu semasa. Contohnya seperti berikut:

1) Undi18 di Instagram & TikTok

Gerakan Undi18 menggunakan video pendek, infografik, dan sesi live untuk menjelaskan kepentingan hak mengundi pada usia 18 tahun. Kandungan mereka mendidik belia tentang proses demokrasi dan tanggungjawab sebagai pengundi.

2) Majlis Belia Malaysia (MBM)

MBM menjalankan tinjauan “Apa Kata Anak Muda” di Instagram untuk mengukur tahap literasi politik belia di Sabah. Hasil tinjauan ini digunakan sebagai asas merangka strategi pendidikan politik.

3) Telus Malaysia di TikTok

Akaun ini menghasilkan video berkaitan *Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13)* yang menekankan pentingnya pendidikan politik untuk kestabilan negara dan peranan rakyat dalam proses penggubalan dasar.

4) Aktivisme Digital Gen Z

Trend media sosial seperti cabaran #TrashTagMY di TikTok menunjukkan bagaimana belia Malaysia menggunakan platform digital untuk menggabungkan aktivisme sosial dengan kesedaran politik, sekali gus membentuk identiti politik generasi muda.

Media sosial di Malaysia bukan sahaja menjadi ruang hiburan, tetapi juga platform pendidikan politik yang berkesan untuk mendekati belia, membina kesedaran demokrasi, dan melahirkan generasi muda yang lebih matang dalam membuat keputusan politik. Kepimpinan negara pada masa hadapan adalah bergantung kepada golongan belia pada masa kini. Generasi belia merupakan golongan yang terbesar dalam masyarakat dan merupakan golongan yang akan menentukan jatuh atau banggunya parti politik dan pimpinan di negara ini. Justeru, adalah penting untuk semua pihak berkepentingan termasuk kerajaan, institusi pendidikan, keluarga dan masyarakat bekerjasama untuk mempromosikan pendidikan politik berkualiti di media sosial. Sokongan untuk inisiatif pendidikan politik, meningkatkan literasi digital dan membangunkan kemahiran analisis dalam kalangan belia akan membantu mereka menjadi pengundi yang matang dan aktif dalam proses pendemokrasian negara.

Kajian ini juga diharapkan dapat memberikan sumbangan yang signifikan kepada bidang akademik, khususnya dalam memperkukuh literatur tentang literasi politik dan media sosial dalam konteks Malaysia. Di samping itu, dapatan kajian ini berpotensi untuk dimanfaatkan oleh pembuat dasar, pendidik dan organisasi masyarakat sivil dalam merangka strategi komunikasi dan pendidikan politik yang lebih berkesan dan relevan dengan realiti digital belia masa kini. Dalam masa jangka panjang,

pemahaman yang lebih mendalam tentang hubungan antara media sosial dan literasi politik belia dapat membantu memperkuat asas demokrasi dan penyertaan politik yang lebih inklusif serta beretika dalam kalangan generasi muda.

RUJUKAN

- Akta 550, Akta Pendidikan 1996 (2012). Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia. Diakses pada 10 Oktober 2025 dari <https://www.moe.gov.my/storage/files/shares/Dasar/Kurikulum%20Kebangsaan/Akta%20550%20-%20Akta%20Pendidikan%201996.pdf>.
- Ali Salman, Normah Mustaffa, Mohd Azul Mohd Salleh dan Mohd Nor Shahizan Ali (2016). Social Media and Agenda Setting: Implications on Political Agenda. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*. 32 (1): 401-414.
- A'qilah Riduan (2025). Tiada penangguhan, had umur belia 30 tahun dikuatkuasa 1 Januari 2026. Diakses pada 10 November 2025 dari https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/07/1418241/Tiada_penangguhan,_had_umur_belia30_tahun_dikuatkuasa_1_Januari_2026_-_Hannah
- Azizan Bahari. (1995). *Pergerakan Belia: Persoalan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Azrie Azeh, Marzudi Md Yunus dan Mohammad Tawfik Yaakob, (2023). Hubungan Aspirasi Belia Melayu Terhadap Penglibatan Belia dalam Politik di Kawasan Pinggir Bandar Terengganu. *E-Bangi Journal of Social Sciences & Humanities*, 20 (1): 127-141.
- Berita Harian. (2019). Kadar Penembusan Media Sosial Malaysia Tertinggi di Asia Tenggara. Diakses pada 03 Julai 2024 dari <https://www.bharian.com.my/bisnes/lainlain/2019/01/526175/kadar-penembusan-media-sosial-malaysia-tertinggi-di-asiatenggara>.
- Berita Harian. (2021). Undi 18 Matangkan Fikiran Golongan Muda - MBM. Diakses pada 02 Julai 2024 dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/05/812607/undi-18-matangkan-fikiran-golongan-muda-mbm>
- Cassel, Carol A., & Celia C. Lo. (1997). Theories of Political Literacy. *Political Behavior*. 19(4): 31–35.
- Fatimah Akmal dan Ali Salman. (2015). Partisipasi Politik Belia Secara ‘Online’ Melalui Ruang Demokrasi Maklumat Media Baru. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 31(1), 81-100.
- Gan Pei Shan dan Noor Sulastry Yurni Ahmad. (2015). Pengaruh Media Massa ke atas Penglibatan Politik Belia Cina. *Malaysia Journal of Youth Studies*. Vol.16: 63–89.
- Holt, K., Shehata, A., Strömbäck, J. & Ljungberg, E. 2013. Age and the Effects of News Media Attention and Social Media use on Political Interest and Participation: Do Social Media Function as Leveller?. *European Journal of Communication*. 28(1):19–34.
- Irma Wani Othman, Muhammad Safuan Yusoff, Mohd Kamal Mohd Shah, Mohd Sohaimi Esa, Romzi Ationg, Mohd Azri Ibrahim dan Azlan Syafie Abdullah @ Raymond Majumah. (2021). Maslahat Literasi Pendidikan Politik Simbiosis Golongan Belia dalam Mendepani Perubahan Lanskap Kepimpinan Negara. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6 (38): 82–104.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Khaidzir Hj. Ismail, Abdul Halim Sidek dan Noor Aziah Hj. Mohd Awal. (2012). Persepsi Politik Pengundi Belia Melayu Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 di Malaysia. *Jurnal Melayu*. 9: 191-214
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Novel Lyndon dan Mazlan Ali (2012). Persepsi Belia terhadap Isu Politik dan Dasar Kerajaan Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 7(12): 136-156.
- Kaplan, A. M., & Haenlein, M. 2010. Users of the World, Unite! The Challenges and Opportunities of Social Media. *Business Horizons*, 53(1), 59-68.

- Md. Azalanshah Md. Syed, Noor Sulastry Yurni Ahmad dan Mohd Zaiamri Zainal Abidin (2015). Penggunaan Kandungan Media dan Pembentukan Idea Politik dan Identiti Budaya Baharu dalam kalangan Belia Melayu. *Malaysian Journal of Youth Studies*, Vol.12: 187-205.
- Mohd Nizar Sudin, Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar dan Marlisa Abdul Rahim. (2017). *TN50 Generasi Muda: Suara Kepimpinan Masa Hadapan*. The International Seminar on Islam, Culture and Heritage: Socio-Political and Economic Issues, Universiti Utara Malaysia. 1-5.
- Mohd Sufiean Hassan, Maizatul Haizan Mahbob dan Siti Nurshahidah Sah Allam. (2020). Analisis Psikometrik Literasi Media Baharu dan Pemantapan Integriti Penyertaan Politik Golongan Muda. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(2): 143–166.
- Mohd Uzaini Mohamad Sani & Suhana Saad. (2018). Pelaksanaan dan Cabaran Penglibatan Belia Dalam Parlimen Belia Malaysia. *Journal of Social Science and Humanities*,13(1): 1-17.
- Nabila Astari (2021). Sosial Media Sebagai Media Baru Pendukung Media Massa untuk Komunikasi Politik dalam Pengaplikasian Teori Agenda Setting: Tinjauan Ilmiah pada Lima Studi Kasus dari Berbagai Negara. *Jurnal Teknologi dan Informasi Bisnis*. Vol. 3/1: 131-142.
- Nadeya Zainon, Rugayah Hashim dan Nursyahida Zulkifli (2017). Political Voice of Young Malaysians: Online Political Participation among University Students. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(8): 649–54.
- Niemi, Richard. G., & Jane, Junn (1998). *Civic Education: What Makes Students Learn*. Yale University Press.
- Nik Hairi Omar, Arena Che Kasim dan Jamiah Manap (2024). Pola Sikap dan Sokongan Pengundi Muda (Undi-18) Terhadap Integriti Calon dan Parti dalam Pilihanraya Umum 15 (PRU15). *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 21 (3): 518-532.
- Noor Shazalina Md Razali dan Rosyidah Muhamad (2022). Penyertaan Politik dalam kalangan Belia dengan Menggunakan Media Sosial Malaysian. *Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(12): 1-31.
- Ruzian Markom, Zinatul Ashiqin dan Zainol Nurhidayah Ahmad Fuad (2019). Literasi Perundangan Media Baharu dalam kalangan Belia. *Jurnal Komunikasi*. 35 (3): 372-389.
- Siti Shariyah Shaari, Junaidi Awang Besar dan Mohd Fuad Mat Jali. (2017). Analisis Keberkesanan Subjek Hubungan Etnik sebagai Pencetus Literasi Politik: Kajian ke atas Mahasiswa UNIKL MIIT. *Jurnal E-Bangi*, 14(6): 26-33.
- Zaller, J. R. (1992). *The Nature and Origins of Mass Opinion*. Cambridge University Press.
- Zulkifley Hamid dan Mohd Asyraf Zulkifley (2014). Membina Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Holistik dalam Kalangan Pelajar Menggunakan Modul Edward De Bono. *Journal of Social Science and Humanities*, 9 (2): 01-13.